

مَجْلِسُ قَرْيَا بَنْدَرِ كُتُبَا هَارِي بَنْدَرِ رَايَا اِسْلَامَا

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

BULANAN MPKB-BRI

EDISI MEI 1443H/2022M



<http://www.mpkbri.gov.my>

[f majlisperbandarankotabharubandararrayaislam](https://www.facebook.com/majlisperbandarankotabharubandararrayaislam)

[mpkbri](https://www.instagram.com/mpkbri)



MAJLIS HARI RAYA MPKB-BRI



OPS MALAM RAYA

BULETIN MPKB-BRI

SIDANG REDAKSI

Penaung

YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin
(Yang Dipertua, MPKB-BRI)

Penasihat

YBhg. En Ruzely Bin Abdullah
(Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,
Perpaduan Kaum dan Pelancongan,
MPKB-BRI)

Ketua Pengarang

YBrs. En. Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh
(Setiausaha, MPKB-BRI)

Pengarang

YBrs Haji Azman Bin Mohd Daham
(Pegarah Pengurusan Korporat)

YBrs Norliza Bt Razali
(Penolong Pengarah Pembangunan
Korporat)

YBrs Nurfatim Binti Azizan
(Penolong Pegawai Tadbir)

Editor dan Fotografi

YBrs Muhd Asyraf Bin Mad Rozali
(Pembantu Tadbir)

*" Setinggi Mana Kita Lompat,
Pasti Kita Turun Mendarat
Setinggi Mana Kita Berpangkat
Disisi ALLAH Sama Darjat "*



HAK CIPTA TERPELIHARA

JABATAN PENGURUSAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM

UCAPAN ALUAN YDP MPKB-BRI

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnianya Buletin PDF edisi ketiga bagi tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis dalam menerbitkan Buletin PDF. Paparan dalam buletin pdf ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada setiap setiap bulan.

Objektif Buletin PDF adalah sebagai sebuah wadah untuk satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Diharapkan penerbitan Buletin PDF ini menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada penyelaras Buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan.

Tahniah sekali lagi kepada sidang editor Buletin PDF pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga Kota Bharu.

Salam Hormat,
(YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin)
Yang Dipertua MPKB-BRI



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPKB-BRI Tahun 1443H/2022M.

MPKBBRI telah pun menganjurkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pada Hari Khamis 18 Syawal 1443H Bersamaan 19 Mei 2022M bermula jam 10.30 Pagi - 2.00 Petang bertempat di Perkarangan Kompleks MPKBBRI.

YABrs. Encik Rosnazli Bin Haji Amin, Yang Dipertua Mpkbbri, YBrS Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh, Setiausaha Mpkbbri dan barisan Ahli Majlis Mpkbbri turut hadir menyerikan lagi majlis sambutan Aidilfitri ini.

Pelbagai juadah istimewa disediakan dari setiap jabatan antaranya seperti nasi gulai kawah, kambing dan rusa panggang, satey, nasi himpit dan lain-lain.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran para tetamu-tetamu kehormat, Yang Mulia Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Bin Tengku Feissal, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Yang Mulia Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan para jemputan dari pelbagai agensi serta sekalian warga Kota Bharu dari pelbagai kaum.

Turut hadir Yang Dipertua Mpkbbri, Ahli-Ahli Majlis dan seluruh Warga Kota.





OPS MALAM RAYA MPKB-BRI



PIHAK MAJLIS SEDAYA UCAPA MERANCANG PELBAGAI TINDAKAN BAGI MENGHADAPI MUSIM PERAYAAN AKIBAT BERLAKUNYA PENINGKATAN SAMPAH DIANGGARKAN BERJUMLAH 300 TAN SETIAP HARI.

Antara tindakan yang dilakukan oleh pihak Majlis, menyediakan 8 tong sampah dikawasan tumpuan utama seperti, Pos tong Banggol, Pos tong KB Ceramics, Jalan Bayam, Pos tong Kuda Padang Tembak, Pos tong Dobi, Guchil Bayam, Pos tong Ayam Dato' Lundang, Pos tong Kedai Buluh, Depan Futsal, Pos tong Jalan Padang Tembak, Pos tong Lorong Pok Dir Paya Rambai.



TINDAKAN BERSEPADU PENGUATKUASAAN JUGA AKAN DILAKUKAN TERHADAP MEREKA-MEREKA YANG MELAKUKAN KESALAHAN :

1. Aktiviti perniagaan yang ditutup lewat melebihi dari had masa yang ditetapkan malah berterusan sehingga menjelang subuh menyebabkan kesukaran untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Keadaan ini memerlukan bantuan dan sokongan dari Bahagian Penguatkuasa MPKB-BRI bertujuan untuk mengawal dan memastikan perniagaan dihentikan sebagaimana masa yang ditetapkan terutama di Jalan Parit Dalam dan Pasar Awam Wakaf Che Yeh.
2. Sikap masyarakat membakar mercun dan lumba haram di atas jalan raya turut mencemarkan permukaan jalan terutama di jalan-jalan protokol. Bantuan pihak Polis dan Bahagian Penguatkuasa amat diperlukan untuk mengambil langkah dan tindakan sewajarnya menangani perkara tersebut.

Pihak ajlis memohon kerjasama daripada seluruh peniaga supaya menghentikan perniagaan pada malam aidilfitri tepat jam 12.00 malam bagi pihak Majlis memulakan aktiviti pembersihan.



SOLAT AIDILFITRI MADINAH RAMADAN 1443H/2022M

MADINAH RAMADAN KOTA BHARU



01 Syawal 1443H bersamaan 02 Mei 2022M - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1443H/2022M berlangsung Meriah di Madinah Ramadhan Kota Bharu. Selapas 1 April di umumkan Peringkat Endemik Dari COVID-19, pihak Jawatankuasa Induk Madinah Ramadhan menyusun kembali program Madinah termasuk solat Hari raya Aidilfitri.



Solat Sunat Hari raya yang bermula jam 8.30 Pagi Di imamkan Oleh Imam Terawih rasmi Sheikh Hesyam Abdel Bari manakala Khutbah Hari Raya telah di sampaikan oleh YB Ustaz Fathan Bin Mahmood, Adun Chempaka. Majlis Juga dihadiri oleh Yb Adun Bukit Panau iaitu Yb Abdul Fattah bin Mahmood Dan Ahli Majlis MPKBBri.



Solat Sunat Hari raya yang bermula jam 8.30 Pagi Di imamkan Oleh Imam Terawih rasmi Sheikh Hesyam Abdel Bari manakala Khutbah Hari Raya telah di sampaikan oleh YB Ustaz Fathan Bin Mahmood, Adun Chempaka. Majlis Juga dihadiri oleh Yb Adun Bukit Panau iaitu Yb Abdul Fattah bin Mahmood Dan Ahli Majlis MPKBBRI.

Menambah lagi kemeriahan 1 Syawal, pihak Madinah Ramadhan Juga menyediakan juadah Hari Raya kepada Jemaah yang hadir serta memperuntukan sumbangan duit Raya kepada kanak-kanak sebagai tanda menghidupkan kembali suasana Hari Raya yang terhenti selama 2 Tahun kerana Pandemik COVID-19.



PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) MPKB-BRI 2022

KOTA BHARU, KELANTAN


23 MEI 2022 bersamaan
22 Syawal 1443H - Sekitar
Pengauditan Sistem
Penarafan Bintang Pihak
Berkuasa Tempatan (SPB-
PBT) Bagi Tahun 2022
Majlis Perbandaran Kota
Bharu Bandar Raya Islam.



MPKB-BRI telah menerima lawatan daripada Panel Penilai
Pengauditan Sistem Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa
Tempatan (SPB-PBT) bagi tahun 2022. Panel diketuai oleh
Puan Mathumathi a/p Ambigabadi, (Ketua Penolong
Pengarah Kanan) Bahagian Pembangunan, JKT.



STAR RATING



Penilaian Audit ini bertujuan bagi Meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan lebih dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan berkualiti.

